


8H6M
**KASHMIR
AGRA
DELHI**

**SRINAGAR - SONAMARG - GULMARG
AGRA - DELHI**



Fiesta
Melancong Mega

9H7M

KASHMIR AGRA + DELHI

**SRINAGAR - SONAMARG -
GULMARG AGRA - DELHI**

18 OCT 2024

HARI 1 KUALA LUMPUR - DELHI

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) untuk perlepasan ke Delhi. Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Indira Gandhi, dijemput oleh pemandu pelancong. Daftar masuk hotel. Bermalam di Delhi.

HARI 2 DELHI SRINAGAR

SP/MT/MM

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Indira Gandhi untuk penerbangan domestik ke Srinagar.

Lawatan di Srinagar:

- **Mughal Gardens** terkenal dengan Nishat Bagh dan Shalimar Bagh daripada 7 buah taman di sini. Kedua-dua taman ini dibina ketika zaman Empayar Mughal memerintah sebahagian besar India.
- **Taman Nishat Bagh**: Sebuah taman yang berteres sebanyak 12 tingkat yang melambangkan 12 zodiak yang terletak di tebing Dal Lake. Setiap teres dibina dengan senibina taman yang berbeza-beza dan di sini juga terdapat makam puteri raja Mughal.
- **Shalimar Bagh**: Taman yang dibina oleh Maharaja Jahangir pada 1619 dan dianggap Mughal Garden yang tercantik di Kashmir dengan jolokan "Crown of Srinagar". Di sini juga terdapat sebuah dewan kediaman yang dibina menggunakan batu marble sebagai rumah tamu bagi tetamu diraja.
- **Carpet Weaving Factory**, melihat cara pembuatan karpet Kashmir yang ditenun secara tradisional.

Daftar masuk hotel dan makan malam. Bermalam di Houseboat Srinagar.

HARI 3 SRINAGAR - SONAMARG - SRINAGAR

SP/MT/MM

Sarapan pagi dan daftar keluar Houseboat. Bertolak ke kawasan pergunungan di Sonamarg yang bersejarah sebagai salah satu pintu laluan Silk Road yang menyambungkan antara Kashmir dan Tibet.

Lawatan di Sonamarg:

- Dengan ketinggian 2730 m, Sonamarg menawarkan pemandangan panorama yang cukup indah meliputi puncak-puncak gunung di sekitar **Kashmir Valley** seperti Machoi Glacier, Sirbal Peak dan Kolahoi Peak dan juga tasik-tasik sekelilingnya seperti Gangabal Lake dan Vishansar Lake.

THAJIWAS GLACIER

selamatbercuti.com



Fiesta 11
Melancang Mega



- Dengan bayaran tambahan, tetamu boleh menyewa kuda dan bersiar-siar sehingga ke **Thajiwas Glacier** ketika musim panas.

Bertolak pulang ke Srinagar dan daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 4 SRINAGAR - GULMARG

SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel. Bertolak ke Gulmarg.

- Menikmati keindahan panorama yang menakjubkan di pergunungan **Gulmarg** yang turut dikenali sebagai Meadow of Flowers dengan menaiki kereta kabel **Gulmarg Gondola** menuju ke puncak gunung setinggi 3950m. Gulmarg merupakan destinasi percutian yang terkenal semenjak dari abad ke-16 ketika zaman Empayar Mughal lagi dengan tarikan pemandangan panorama indah pergunungan Himalaya di sekelilingnya

dan juga sekitar kawasan ini yang dipenuhi dengan pelbagai jenis bunga yang tumbuh meliar ketika musim bunga dan musim panas. Selain itu, Gulmarg terkenal sebagai pusat golf dan juga sukan musim sejuk. Antara tarikan yang terdapat di sini ialah Igloo Cafe yang terbesar di dunia, Maharani Temple yang dibina pada awal kurun ke-19 dan Maharaja Palace yang dibina hujung kurun ke-18. Bertolak pulang ke hotel untuk berehat dan makan malam

HARI 5 SRINAGAR - DELHI

SP/MT/MM

Sarapan pagi di hotel. Merasai pengalaman unik Shikara Ride menaiki sampan dari houseboat penginapan dan menyusuri sepanjang Dal Lake yang cukup luas dan mengambil foto pelbagai jenis houseboats yang unik yang terdapat di tasik ini, sambil berhenti sebentar di taman dan kebun sayur terapung. Seterusnya Menaiki penerbangan domestik menuju ke Delhi. Setibanya di Delhi, meneruskan perjalanan dengan bas persiaran menuju ke Agra. Daftar masuk hotel setelah makan malam



Sarapan pagi pagi di hotel. Melawat ikon salah satu keajaiban dunia iaitu **Taj Mahal**, dibina oleh Shah Jahan sebagai lambang kebesaran cinta terhadap isterinya iaitu Mumtaz Mahal pada tahun 1632 dan siap tahun 1648. Monumen yang dibina dengan menggunakan batu marmor putih ini mengambil masa selama 22 tahun untuk disiapkan dan merupakan binaan yang paling tepat sisi geometrianya di dunia. Seterusnya, melawat **Agra Fort**, iaitu sebuah kota istana besar yang dibina oleh Maharaja Akbar yang merupakan datuk kepada Shah Jahan pada tahun 1565. Kompleks istana ini dibina daripada batu pasir merah seluas 94 ekar. Tetamu dapat menyaksikan keunikan bahagian dalam bangunan yang telah diubahsuai semasa pemerintahan Shah Jahan. Istana yang asalnya dibina daripada batu pasir merah telah diubahsuai dan ditambah dengan batu marmor putih dan dihiasi batu permata. Selepas makan tengahari, meneruskan perjalanan pulang semula ke **Delhi**. Setibanya di sana, makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

Sarapan pagi di hotel. Kemudian, tetamu akan bersiar-siar di **Old Delhi**; melawat **India Gate** yang dibina sebagai tanda peringatan dan penghormatan terhadap pengorbanan tentera India semasa perperangan Dunia. Meneruskan lawatan ke **Raj Ghat**: Memorial yang dibina bagi memperingati bapa kemerdekaan India, Mahatma Gandhi dan Jawaharlal Nehru, Perdana Menteri Pertama India. Bersolat di **Jama Masjid** yang dibina oleh Maharaja Shah Jahan pada tahun 1650 merupakan masjid yang terbesar di India. Seterusnya ke **Qutub Minar**: Menara yang dibina di atas runtuhan kota Lal Kot pada 1199 setinggi 72.5m dan merupakan sebahagian dari kompleks masjid Quwwatul Islam. Setelah itu **Lawatan panorama bas** melepas **Red Fort** yang dibina pada 1639 oleh Shah Jahan sebagai kota pemerintahan **Empayar Mughal, President's Palace, Parliament House, Birla Temple** dan **Lotus Temple**. Makan malam dan selepas itu, bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Indira Ghandi untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 8 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).



HOTEL PENGINAPAN

LOKASI	BIL MALAM	NAMA HOTEL
Delhi	02	3* Hotel Arch Plaza atau Setaraf
Srinagar	01	Super Deluxe Houseboats
Srinagar	02	4* Hotel The Milan atau Setaraf
Agra	01	4* Hotel Pushpa Villa atau Setaraf

PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	MH 190	KUL - DEL	1850	2150
08	MH 191	DEL - KUL	2300	0655+1

JADUAL HARGA

TIER	ADULT SINGLE	ADULT TWIN	CHILD TWIN	CHILD W/ BED	CHILD NO BED
NORMAL	6,490	5,790	4,990	4,790	-
WE NORMAL	6,440	5,740			
PROMO	6,190	5,490	5,090	4,690	-
WE PROMO	6,140	5,440			

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Penginapan 6 malam yang selesa di hotel bertaraf 3* (rujuk jadual senarai hotel).
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Urusan visa memasuki India.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti aturcara (Termasuk Cable Car Gulmarg, Shikara Ride Dal Lake, Taj Mahal & Agra Fort)
- Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti aturcara.
- Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.
- Diringi ketua rombongan sekiranya kumpulan melebihi 15 orang.

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam waktu perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

LAIN LAIN :

Wan Vacation Sdn Bhd **berhak** melakukan sebarang perubahan pada aturcara perjalanan yang disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka, terutamanya semasa tempoh '**peak season**' atau dalam kes '**force majeure**'.

